

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN  
[ KINABATANGAN ]**

**TARIKH : 27.3.2018 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Dato' Sri Bung Moktar Bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian dalam memastikan masalah kekurangan guru di Kinabatangan dapat diatasi memandangkan kebanyakan sekolah di kawasan Parlimen Kinabatangan masih kekurangan guru yang dianggarkan seramai 700 orang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memastikan keperluan guru bagi semua mata pelajaran mencukupi. Anggaran keperluan guru mengikut opsyen bagi sesuatu mata pelajaran dibuat berdasarkan peruntukan waktu, norma perjawatan guru, kelulusan perjawatan pada tahun semasa, jumlah guru mengikut opsyen yang berada dalam sistem, serta perubahan dasar dan program pendidikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 31 buah sekolah rendah dan empat (4) buah sekolah menengah di bawah Pejabat Pendidikan Daerah Kinabatangan. Kedudukan guru dengan perjawatan

16

yang diisi pada 20 Februari 2018 adalah seramai 605 orang di sekolah rendah dan 224 orang di sekolah menengah. Secara keseluruhan kekosongan di daerah Kinabatangan adalah sebanyak 85 perjawatan.

KPM berusaha untuk memenuhi keperluan guru melalui penempatan semula guru. Pengisian guru terlatih juga akan dibuat secara berperingkat-peringkat dari semasa ke semasa. Dengan adanya langkah-langkah ini, KPM menjangkakan keperluan guru mengikut opsyen di sekolah KPM dapat dipenuhi.

RJM70

SOALAN ( 16 )

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27 MAC 2018  
[ SELASA ]

DARIPADA : YB MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN  
[SEPANG]

SOALAN :

**YB MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN [SEPANG] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan:-**

- (a) Mengapakah masih berlaku isu kemelut kekurangan rumah mampu milik seperti mana pendedahan laporan lengkap Bank Negara
- (b) Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk menyelesaikan kemelut tersebut.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penawaran RMM yang bernilai di bawah RM300,000.00 masih tinggi kerana permohonan pinjaman perumahan bagi rumah yang berharga di bawah RM300,000.00 adalah rendah sehingga menyebabkan masih terdapat rumah di bawah RM300,000.00 yang tidak terjual. Perkara ini berlaku disebabkan pihak pemaju telah membuat tapisan awal dan mengemukakan senarai pemohon yang layak sahaja kepada institusi kewangan untuk kelulusan.

Berdasarkan Bank Negara Malaysia (BNM) melalui portal *Housing Watch Website*, sehingga Julai 2017, peratusan permohonan pinjaman perumahan bagi rumah bernilai RM300,000.00 dan ke bawah adalah rendah iaitu 36.7% atau 140,724 permohonan berbanding permohonan pinjaman perumahan bernilai melebihi RM300,00.00 iaitu 63.3% atau 242,781 permohonan.

19

Oleh yang demikian, masih terdapat rumah di bawah RM300,000.00 yang tidak terjual disebabkan oleh faktor akses kepada pembiayaan oleh bakal pembeli rumah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan kemelut tersebut ialah:

- i) menetapkan harga siling bagi jualan Rumah Mampu Milik (RMM) kepada RM300,000.00 seunit sebagai panduan kepada pembeli dan semua pihak yang terlibat dalam sektor perumahan negara;
- ii) meningkatkan bekalan rumah dalam pasaran melalui penyediaan perumahan awam dalam Program 1 Juta RMM menjelang tahun 2018. Langkah ini dapat memberi lebih banyak pilihan kepada pembeli untuk mencari rumah yang bersesuaian dengan tahap kemampuan masing-masing selain daripada rumah yang disediakan oleh pihak pemaju swasta; dan

- iii) memperkenalkan pelbagai skim pembiayaan bagi memudahkan pemilikan rumah, khususnya RMM, seperti Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit), Skim Rumah Pertamaku (SRP), Skim Perumahan Belia (SPB) dan lain-lain lagi.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018